

**SOALAN NO. 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sedia maklum bahawa Majlis Kebangsaan bagi OKU telah ditubuhkan bagi membantu meningkatkan kesejahteraan OKU melalui peranan Majlis dengan mengemukakan syor berhubung dengan kesaksamaan dan peluang OKU sama seperti anggota masyarakat yang lain. Sehubungan dengan itu, apakah rancangan yang akan dilaksanakan oleh Majlis dalam memastikan golongan OKU mendapat pembelaan dan perlindungan yang sewajarnya.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dilaksanakan di bawah Seksyen 3 (1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

Matlamat penubuhan MKBOKU adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya iaitu ke arah pembangunan dan penggalakan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan secara *multisectoral* dan *multi collaboration* dengan agensi berkaitan yang lain.

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dengan kerjasama beberapa agensi telah membuat pelbagai dasar, perundangan, piawaian dan garis panduan mengenai keperluan penyediaan kemudahan dan persekitaran mesra OKU. Antaranya:

- (i) Undang-undang Kecil 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- (ii) MS 1184 : 2014 – Universal design and accessibility in the built environment - *Code of Practice (Second revision)*
- (iii) MS 1183 : 1990 - *Code of Practice for Means of Escape for Disabled Persons*;
- (iv) MS 1331 : 2003 - *Code of Practice for Access for Disabled Persons Outside Buildings*;
- (v) *Guidelines on Buildings Requirements for Disabled Persons* pada tahun 1999;
- (vi) Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) Tahun 2010; dan
- (vii) Manual Audit Akses 1Malaysia sebagai garis panduan untuk fasilitator reka bentuk sejagat.

Sepanjang tempoh penubuhannya, Majlis telah mencapai beberapa kejayaan di antaranya:-

- a. Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjadikan isu OKU sebagai sebahagian daripada modul kursus latihan yang perlu diikuti

oleh semua anggota mereka. Ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua anggota (PDRM) mengenai isu OKU terutamanya cara berurusan dengan mereka. Kursus pertama akan diberikan kepada anggota polis Brickfields dan akan diperluaskan kepada semua anggota di seluruh negara mulai tahun 2010.

- b. Pengeluaran Pelekat Khas bagi Kenderaan OKU mulai tahun 2014. Perbincangan dan pelaksanaan mengenai perkara ini telah diketuai oleh Jawatankuasa Pengangkutan melalui pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- c. Selain dari itu, Jawatankuasa Pengangkutan juga telah mengadakan beberapa siri audit akses ke atas bas Rapid KL, Lapangan Terbang Subang, LRT dan KTMB. Sebagai hasilnya Rapid KL dan KTMB Bhd. telah bersetuju untuk mengadakan penambahbaikan ke atas perkhidmatan mereka melalui penyediaan kemudahan kepada OKU dan menambahbaik stesen-stesen mereka secara berperingkat-peringkat.
- d. Kejayaan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina berunding dengan pihak Perbadanan Putrajaya untuk menjadikan bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baru di Putrajaya sebagai bangunan model yang

mesra OKU. Pada asalnya bangunan tersebut cuma menyediakan kemudahan paling minimum kepada OKU.

- e. Jawatankuasa Kesihatan pula telah berjaya menghasilkan Modul Latihan Penjagaan Kepada OKU. Modul ini adalah sangat penting bagi memberikan penjagaan yang berkualiti kepada OKU. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa melalui Kementerian Kesihatan telah pun memulakan latihan kepada kakitangan, NGO, dan mereka yang berkaitan menggunakan modul tersebut.
- f. Selain dari itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa pada 19 Ogos 2009 Kabinet telah bersetuju untuk meratifikasi Konvensyen tersebut dengan beberapa reservasi dan ianya akan dilakukan dalam masa yang singkat. Pada 19 Julai 2010 Kerajaan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya.
- g. Jawatankuasa Pengangkutan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga telah berjaya menghasilkan draf Garis Panduan Reka Bentuk Bas. Garis Panduan yang telah siap akan mengandungi ciri dan reka bentuk bas yang bersesuaian kepada OKU dan ianya mestilah dipatuhi oleh semua pengusaha bas agar dapat memberi peluang kepada semua OKU menikmati kemudahan perkhidmatan bas di negara ini.

h. Jawatankuasa Pendaftaran OKU pula telah mengklasifikasikan semula kategori OKU dan telah berjaya menghasilkan 7 kategori baru OKU. Di samping itu, mereka juga turut menghasilkan Garis Panduan Pendaftaran bagi kategori baru tersebut dan telah mengedarkannya kepada agensi berkaitan pada tahun 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 7 September 2011 telah meluluskan cadangan KPWKM supaya semua pihak berkuasa tempatan (PBT) melantik orang kurang upaya (OKU) sebagai ahli kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan di setiap PBT dan menubuhkan Unit Audit Akses di setiap PBT telah diluluskan.

Inisiatif ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan aksesibiliti golongan OKU selaras dengan peruntukan Seksyen 26 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Oleh itu, semua PBT harus melaksanakan arahan kerajaan ini agar keadilan sosial secara inklusif kepada semua strata masyarakat. Ini akan memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada menikmati kemakmuran negara dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup mereka.

Aspek aksesibiliti terhadap persekitaran fizikal, pengangkutan awam serta maklumat dan komunikasi merupakan antara perkara utama yang diberi penekanan khusus dalam:

- (i) Artikel 9 Konvensyen Mengenai Hak OKU yang diratifikasi oleh negara pada 19 Julai 2010;
- (ii) Gol 3 - *Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific* yang diterima pakai oleh negara pada tahun 2012;
- (iii) Seksyen 26, 27 dan 30 Akta OKU 2008; serta
- (iv) Dasar dan Pelan Tindakan OKU.

Bagi memantau, menyelaras dan menilai pelaksanaan dasar-dasar dan pelan tindakan berkaitan OKU oleh agensi Kerajaan yang berkaitan dan lain-lain penyedia perkhidmatan, Majlis Kebangsaan Bagi OKU ("Majlis") yang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta OKU 2008. Majlis yang turut dianggotai oleh 10 orang individu OKU atau individu yang mempunyai kepakaran dalam isu ketidakupayaan ini berperanan membuat syor kepada

Kerajaan berhubung cadangan penambahbaikan yang wajar diambil dalam usaha memastikan golongan OKU di negara ini menikmati kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Bagi membantu majlis melaksanakan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan khususnya dalam menangani isu aksesibiliti OKU kepada persekitaran fizikal dan pengangkutan awam, Majlis telah menukuhkan 2 daripada 6 buah jawatankuasa di bawahnya khusus bagi menangani isu-isu tersebut, iaitu:

- (i) **Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina** (diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)); dan
- (ii) **Jawatankuasa Pengangkutan** (diterajui oleh Kementerian Pengangkutan).

Selain itu, beberapa inisiatif lain juga telah dirancang bagi meningkatkan tahap aksesibiliti OKU kepada persekitaran fizikal. Antaranya mengadakan sesi audit akses terhadap bangunan di sekitar KL Sentral, membangunkan

*Universal Design Index / Building Rating System*, mewujudkan manual *Disaster Preparation and Reserve Training for OKU* dan *Star Rating on Accessible Building*.

Akses kepada pengangkutan awam merupakan salah satu perkara asas ke arah masyarakat inklusif. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan selaku peneraju Jawatankuasa Pengangkutan sentiasa berusaha dalam memastikan pengangkutan awam di negara ini dapat diakses oleh setiap golongan masyarakat termasuk golongan OKU. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan adalah:

- (i) Menaik taraf 24 buah stesen transit aliran ringan (LRT), 10 buah stesen komuter dan 4 buah stesen pertukaran antara bandar (*interchanges*) supaya mesra OKU;
- (ii) Pembelian 26 buah koc keretapi dan 38 set keretapi enam kereta (*six-car trains - Electric Multiple Units (EMUs)*) yang dilengkapi dengan kemudahan dengan konsep reka bentuk sejagat;

- (iii) Pembelian 400 buah bas yang dilengkapi dengan kemudahan reka bentuk sejagat di samping usaha menaik taraf perhentian bas agar mesra OKU;
- (iv) Penyediaan kemudahan pengangkutan alternatif dari pintu ke pintu (*door-to-door transportation service*) untuk golongan OKU khususnya yang berkerusi roda melalui perkhidmatan *Rapid Mobility* oleh pihak RapidKL;
- (v) melaksanakan Bengkel *Disability Equality Training* (DET) dan Aksesibiliti Bagi Pengangkutan Awam di Kuching dan Kota Kinabalu;
- (vi) menjalankan sesi audit akses di Pangkalan Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim, Pulau Pinang; dan
- (vii) mengadakan sesi konsultasi berhubung *Code of Practice for Special Handling Passengers and Persons with Disabilities* bagi operator atau pengendali pengangkutan udara.

Berhubung akses OKU kepada maklumat dan komunikasi, beberapa inisiatif telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan akses OKU kepada maklumat, komunikasi dan teknologi. Antaranya:

- (i) memudahkan capaian OKU terhadap semua laman web agensi Kerajaan melalui Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006. Pekeliling ini menetapkan supaya semua laman web atau portal agensi Kerajaan perlu menyediakan kemudahan *World Wide Web Consortium (W3C) Disability Accessibility* iaitu versi capaian kepada orang yang tidak berkemampuan dan OKU;
- (ii) perkhidmatan bahasa isyarat disediakan semasa segmen Berita Nasional di saluran TV1;
- (iii) penyediaan sari kata untuk kebanyakan program yang ditayangkan sama ada di saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) atau saluransaluran lain kendalian syarikat televisyen swasta

Langkah ini secara tidak langsung telah banyak membantu OKU khususnya OKU pendengaran untuk mengikuti perkembangan semasa dunia melalui program-program berita dan hiburan.

Selain itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad (TM) telah melancarkan aplikasi *SaveME* 999 pada 9 September 2013. *SaveME* 999 merupakan satu aplikasi khas yang dibangunkan untuk golongan OKU di seluruh negara untuk menghubungi Pusat Panggilan Kecemasan Malaysia (MERS) 999 sekiranya berlaku insiden kecemasan. Usaha ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan kecemasan di negara ini disamping meningkatkan akses OKU kepada maklumat dan teknologi.

Penubuhan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* di PLPP Bangi iaitu kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah untuk meningkatkan kesedaran pihak berkaitan dan masyarakat mengenai kepentingan *universal design* dan mempergiatkan lagi usaha untuk memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan OKU di Malaysia.

Terbaru, Pelan induk Reka Bentuk Sejagat untuk Kuala Lumpur dan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan setiap infrastruktur, perkhidmatan dan produk

pelancongan di ibu negara berkonsep mesra orang kurang upaya (OKU).

Melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), konsep Accessible Tourism iaitu pelancongan yang mengambil kira penyediaan kemudahan-kemudahan bagi pelancong OKU telah dilaksanakan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
DARIPADA [ GERIK ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan dalam membantu meningkatkan penguasaan dan kemahiran Bahasa Kebangsaan dalam kalangan wakil rakyat yang dilihat masih ada yang kurang fasih apabila berbahas sama ada dalam Parlimen mahupun DUN ; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan bersedia menghadapi fenomena Bahasa Melayu rojak hasil daripada kemajuan teknologi masa kini demi menjaga kelangsungan Bahasa Melayu.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa bersedia mengadakan ceramah, kursus dan latihan sekiranya mendapat sokongan dan sambutan daripada wakil rakyat untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran bahasa kebangsaan. Akademi DBP menawarkan beberapa kursus seperti Kursus Komunikasi Berkesan, Bahasa Melayu dalam Komunikasi Lisan, Kursus Pengucapan Awam (Pidato), Kursus Penulisan Teks Ucapan, Kursus Penyegaran Tatabahasa dan lain-lain. Ceramah Dasar Bahasa Kebangsaan juga wajar diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman wakil rakyat terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan.

- b) Kerajaan bersedia menghadapi fenomena bahasa rojak akibat kemajuan teknologi masa kini dengan melaksanakan beberapa langkah pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu. Antara langkah yang telah diambil oleh DBP, termasuklah menyediakan pedoman dan panduan bahasa seperti Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu, Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu, Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, Semak Ejaan Terkini (Dewan Eja Pro) dalam talian, Tatabahasa Bahasa Melayu digital, dan lain-lain. DBP juga menyediakan siri Pedoman Bahasa dan Lembar Bahasa dari semasa ke semasa yang memuatkan ejaan bahasa Melayu yang betul, dan mengadakan kursus peningkatan kemahiran bahasa yang meliputi aspek tatabahasa, pembentukan kata, pembinaan ayat, sebutan, dan termasuk sistem ejaan Rumi bahasa Melayu. DBP telah melaksanakan satu kajian lanjutan terhadap singkatan SMS dan seterusnya menerbitkan risalah *Panduan Singkatan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) Bahasa Melayu* (2008). Risalah ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam penulisan SMS yang standard terutamanya untuk SMS yang digunakan dalam situasi atau urusan rasmi, dan dalam siaran televisyen, seperti paparan mesej gerak.

Bagi memantau penggunaan bahasa kebangsaan dalam media, Jawatankuasa Pemantauan Penggunaan Bahasa dalam Media Elektronik dan Media Cetak telah ditubuhkan pada tahun 2013. Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) dan DBP telah menerbitkan buku *Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa* (2012, 2014) untuk pengamal media penyiaran, media cetak dan media sosial.

DBP turut melaksanakan usaha untuk menampung keperluan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu melalui penggubalan istilah dan penyusunan kamus dan glosari istilah dalam pelbagai bidang ilmu termasuk sains, teknologi, sains sosial dan sains kemanusiaan. Istilah yang telah digubal ini telah dimuat naik dalam laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) di alamat <http://prpm.dbp.gov.my>. PRPM merupakan kemudahan yang disediakan oleh DBP untuk pengguna internet membuat rujukan yang berkaitan dengan bahasa Melayu.